

# Beza antara intai dan intip dari sudut panduan syarak

➔ Tajassus dibenarkan jika bertujuan memelihara kemaslahatan masyarakat daripada kemungkaran

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin  
mohdaizat@bh.com.my

**M**encegah kemungkaran menjadi kewajipan kepada setiap Muslim seperti diperintahkan oleh Rasulullah SAW: "Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya; jika tidak mampu, maka (ubahlah) dengan lisannya dan jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya kerana ia adalah selemah-lemahnya iman." (HR Muslim)

Pada masa sama, mencegah kemaksiatan juga bertujuan memelihara kemaslahatan masyarakat hingga menjadi antara tugas pemerintah dalam mencegah kemungka-

ran yang semakin berleluasa dan seterusnya boleh meruntuhkan institusi sosial.

Namun dalam membahaskan persoalan mencegah kemungkaran, syariat Islam menggariskan larangan tajassus atau mengintai dan mengintip dengan tujuan mencari-cari aib serta kesalahan Muslim yang lain.

Larangan ini jelas diterangkan dalam al-Quran seperti firmah Allah SWT: "*Wahai orang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mencari kesalahan orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah;*

*sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.*" (Al-Hujurat: 12)

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin, berkata larangan tajassus bertujuan menjaga hubungan sesama Muslim yang berasaskan kepentingan untuk memiliki perasaan bersangka baik dan menegah perbuatan bersangka buruk.

Mohd Hapiz berkata, pengharman tajassus bukanlah bersifat mutlak kepada semua jenis dan bentuk kerana apa yang diharamkan al-Quran adalah perbuatan mengorek keaiban orang.

Dalam erti lain, Dr Mohd Hapiz berkata, tajassus yang dilarang adalah yang dilakukan secara tidak bertanggungjawab demi memenuhi

kepentingan nafsu atau juga kepentingan jahat orang yang mengintip.

## Maksud Tajassus dicegah

"Tajassus yang dilarang ialah tindakan seseorang mengintip perlakuan orang lain yang zahirnya baik dalam masyarakat, dengan tujuan untuk mencari aib dan menyebarkan kepada umum seperti yang dilakukan jurugambar paparazi, musuh politik dan orang mempunyai dendam peribadi.

"Sebagai contoh, seseorang yang pernah terlanjur dengan zina, berfoya-foya dengan wanita atau minum arak tetapi dia insaf dan bertaubat, maka haram untuk kita membongkar dan mendedahkan aib lamanya kerana sudah bertaubat.

"Bagaimanapun, sekiranya dia berbangga dengan kejahatan

malah sentiasa mengajak orang lain untuk melakukannya, maka boleh didedahkan kejahatan yang dilakukan untuk melindungi individu lain daripada terjebak dengan dosa sama," katanya.

Justeru dalam konteks polemik intipan membabitkan operasi khalwat, Dr Mohd Hapiz menjelaskan syariat Islam memperuntukkan tanggungjawab kepada pemerintah untuk menjaga keamanan, keharmonian institusi masyarakat dan melestarikan keselamatan awam setiap masa.

Katanya, perkara itu tidak akan tercapai sekiranya kerajaan tidak memantau pergerakan golongan al-rayb, iaitu puak yang dikhuatiri akan melakukan jenayah termasuk melakukan tajassus ke atas mereka.

➔ Lihat Ms.61